



مجلس پرېنډاران سلايڅ
Majlis Perbandaran Selayang

**TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 11/2021**

30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

09:00 PAGI | SECARA DALAM TALIAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood
Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahNya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.11/2021 bagi bulan November** pada pagi yang berbahagia ini.

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS YANG BAHARU, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2021

2. Sebentar tadi, telah selesainya Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan dan mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Zon 19. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Saharudin bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon 19 MPS. Semoga beliau dapat memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada MPS dan masyarakat Selayang. Selamat bertugas juga saya ucapkan.
3. Untuk makluman, beliau juga akan menganggotai Jawatankuasa Kemasyarakatan, Jawatankuasa Pengindahan Bandar dan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat mulai bulan Disember 2021 ini.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

4. Dikesempatan ini, MPS ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pemberian Bantuan Khas Kewangan kedua iaitu satu bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada penjawat

awam di Selangor yang diumumkan ketika pembentangan belanjawan Selangor 2022 pada 25 November 2021.

5. Saya yakin dengan pemberian insentif ini, kakitangan MPS dapat meningkatkan lagi prestasi dan produktiviti kerja demi memajukan lagi MPS dan Negeri Selangor.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

6. Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM94.33 juta (86.54%) daripada RM109 juta.
7. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM6.21 juta (76.17%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
8. Untuk makluman, pihak MPS telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 kepada pemilik kawasan komersial dan industri yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 21 Oktober 2021. Sebanyak 6,798 waran telah dikeluarkan. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.

9. Pemilik harta adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.
10. MPS juga kini sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj dikenakan 50% akan diberikan. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS dan tempoh bayaran adalah sehingga 31 Disember 2021.
11. Sukacita dimaklumkan juga, bagi menghargai pembayar cukai taksiran yang telah mendaftar bil digital dan menggunakan portal MyMPS, MPS akan mengadakan Program Cabutan Bertuah kepada Pembayar Cukai Taksiran MPS yang membuat bayaran secara dalam talian. Tempoh kelayakan untuk meyertai cabutan bertuah ini adalah sehingga 15 Disember 2021 dengan bayaran dilakukan melalui mymps.mps.gov.my.

PEMAKLUMAN PELANJUTAN KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN LETAK KERETA

12. Untuk makluman, Kempen Pengurangan Kompaun Letak Kereta akan ditamatkan pada hari ini. Oleh kerana terdapat permintaan untuk pelanjutan kempen ini, MPS telah melanjutkan kempen ini sehingga 31 Disember 2021 dengan tawaran pengurangan yang diberikan adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap kompaun. Untuk makluman, sehingga 21 November 2021, MPS berjaya mengutip RM 262,920.00 dengan jumlah transaksi sebanyak 25,896 kompaun.
13. Perkhidmatan kaunter bergerak ada disediakan di lokasi-lokasi terpilih. Semakan lokasi boleh dilakukan di laman web www.mps.gov.my. Selain itu, orang ramai juga boleh datang ke kaunter lobi MPS atau membuat bayaran melalui aplikasi Flexi Parking dan Smart Selangor Parking.
14. Di sini juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada semua yang masih mempunyai kompaun letak kereta tertunggak untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun yang dimiliki untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

PEMBAHARUAN LESEN MPS SECARA DIGITAL

15. Selain itu, MPS juga telah menaiktaraf portal MyMPS untuk memudahkan para peniaga untuk memperbaharui lesen perniagaan mereka. Pemegang lesen premis perniagaan kini boleh membuat pembayaran dan mencetak sendiri lesen perniagaan masing-masing dengan menggunakan MyMPS.
16. Pembaharuan dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Disember 2021 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan.
17. Untuk pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumahurut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran boleh dibuat melalui MyMPS dan lesen perniagaan boleh diperolehi di Jabatan Pelesenan MPS. Untuk makluman, sehingga 22 November 2021, jumlah bayaran yang diterima oleh MPS adalah sebanyak RM1.512 juta.

PEMAKLUMAN MENGENAI GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

18. Bagi mencegah penularan penyakit berjangkit di tempat dan kemudahan awam, Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan garis panduan untuk semua pemilik atau pemegang lesen, pengurus premis swasta atau agensi kerajaan bagi menjalankan aktiviti sanitasi dan disinfeksi di premis masing-masing secara berkala/ berjadual.
19. Justeru, saya berharap semua pihak berkenaan akur dengan arahan yang dikeluarkan oleh KPKT untuk menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi peralatan atau permukaan yang sangat kerap disentuh dan berisiko tinggi terutamanya setiap kali selepas digunakan oleh pelanggan mahupun mana-mana individu dan merekodkan aktiviti berkenaan bagi tujuan semakan oleh pihak berkuasa.

AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015 DAN ISO/IEC 27001:2013 OLEH SIRIM QAS

20. Audit Pemantauan SIRIM bagi ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 22 hingga 24 November 2021 di Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Untuk makluman, MPS telah berjaya mengekalkan pensijilan bagi ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 oleh SIRIM QAS.

SESI PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN TANDAS BERSIH KATEGORI PREMIS MAKANAN (RESTORAN) DI KAWASAN PENTADBIRAN MPS

21. Untuk makluman semua, sebentar lagi akan diadakan sesi penyampaian hadiah bagi Pertandingan Tandas Bersih Kategori Premis Makanan (Restoran) di kawasan pentadbiran MPS. Sebanyak 11 buah premis telah menyertai pertandingan ini yang mana hampir kesemua premis telah menunjukkan tahap kebersihan yang baik dan memuaskan.
22. Justeru, saya berharap kesemua pemilik premis di seluruh pentadbiran MPS dapat menjadikan premis yang diiktiraf hari ini sebagai contoh dalam membantu usaha kerajaan untuk menerapkan amalan kebersihan dan kesihatan yang baik serta budayakan amalan tandas bersih dalam masyarakat. MPS juga akan meneruskan pertandingan ini pada masa akan

datang dengan melibatkan tandas di stesen minyak, pasaraya, hentian rawat dan rehat (R&R) dan sebagainya.

PROGRAM-PROGRAM BAGI BULAN DISEMBER 2021

PROGRAM ADVOKASI KESEDARAN PENDERAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL KANAK-KANAK

23. Pada 4, 5 dan 18 Disember 2021, MPS bersama Pertubuhan Pemerkasaan Keluarga atau Family Empowerment Society (FAME) akan mengadakan Program Advokasi Kesedaran Penderaan dan Gangguan Seksual Kanak-Kanak secara dalam talian.
24. Program yang diadakan melalui 6 siri ini akan melibatkan seramai 40 orang peserta kanak-kanak perempuan berumur 11 hingga 12 tahun bagi setiap siri daripada 24 zon JKP MPS. Program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak berkaitan menangani isu-isu gangguan dan penderaan seksual serta pengabaian terhadap mereka.

PELANCARAN SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI 2021 DAN PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER

25. Seterusnya, pada 13 Disember 2021 ini, MPS akan mengadakan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti. Acara tahunan ini diadakan adalah untuk membudayakan inovasi dan integriti dalam kalangan kakitangan MPS.
26. Pada tahun ini, *‘Pemeriksaan Budaya Inovasi dan Integriti Pasca Pandemik’* telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Inovasi dan Integriti yang akan diadakan secara hibrid.
27. Pelbagai acara dengan mematuhi SOP penjarakan sosial telah dirancang dan diharapkan program ini dapat memberi manfaat terutama kepada kakitangan MPS.

UCAPAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN SELANGOR

28. Akhir sekali, saya mewakili warga Perbandaran Selayang ingin merafak sembah dan mengucapkan tahniah kepada DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Selangor yang bakal menyambut hari keputeraan baginda ke-76 pada 11 Disember 2021 bersamaan 6 Jumadal Ula 1443H.

29. Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

.